

## K-pop, Aspirasi Kemodenan dan Ketidapatuhan Strategik dalam Kalangan Wanita Melayu

MD AZALANSHAH MD SYED  
*Universiti Malaya*

### ABSTRAK

Populariti *K-pop* dalam kalangan wanita Melayu mendapat kritikan pelbagai pihak yang melihat kecenderungannya untuk menghakis budaya masyarakat Melayu serta menyalahi nilai-nilai Islam – dua elemen penting dalam projek kemodenan Malaysia. Contohnya, penyertaan wanita Melayu meratapi kematian artis *K-pop* popular Kim Jong-Hyun serta kontroversi perlakuan artis berkumpulan Korea – B1A4, memeluk tiga orang gadis Melayu bertudung di Kuala Lumpur telah menerima kecaman khalayak awam dan pihak berkuasa Islam. Keadaan ini telah menimbulkan suatu polemik mengenai *K-pop* yang dianggap bertentangan dengan idea kemodenan Malaysia. Justeru, artikel ini berhujah bahawa wanita Melayu menggunakan *K-pop* sebagai suatu platform untuk menyesuaikan dan menimbangtara aspirasi kemodenan global dengan amalan ketidapatuhan strategik yang dipamerkan menerusi kepelbagaian pandangan dalam lingkungan kapasiti peribadi dan sebagai ahli kepada kumpulan peminat tempatan. Misalnya, insiden ini telah mendapat perhatian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Wilayah Persekutuan (JAWI) yang menganggap perlakuan tersebut sebagai bertentangan dan menyalahi hukum serta nilai-nilai Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis tekstual bertema secara kualitatif dan menumpukan perhatian kepada kepelbagaian pandangan dan tafsiran khalayak mengenai *K-pop* dalam bentuk komen yang terpapar dalam media sosial seperti *Twitter* dan *YouTube* serta dua portal berita popular iaitu *The Star* dan *Free Malaysia Today* (FMT). Dapatan kajian akan dianalisis menerusi dua tema penting – pengawalan sendiri dan keterbukaan terpilih – yang menjadi dapatan penting dalam mengukuhkan konsep ketidapatuhan strategik yang menerangkan populariti *K-pop* dan penggunaannya dalam kalangan wanita Melayu.

**Kata kunci:** *K-pop, wanita melayu, budaya popular, Islam, kemodenan.*

## K-pop, Aspiration of Modernization and Strategical Non-compliance Among The Malay Women's Circle

### ABSTRACT

The popularity of *K-pop* among Malay women has been criticised by various parties because of its tendency to erode culture of the Malay community and violate Islamic values – two important elements in the Malaysian modernity project. For example, the participation of Malay women lamenting the death of popular *K-pop* artist Kim Jong-Hyun and the Korean artist group's controversial act - B1A4; embracing three tudung-clad Malay girls in Kuala Lumpur received criticism from the public and Islamic authorities. This situation has given rise to a polemic of *K-pop* that is considered contrary to the idea of modernity of Malaysia. Hence, this article argues that Malay women use *K-pop* as a platform to adapt and negotiate the aspirations of global modernity through the practice of strategic disobedience with a diverse view under personal capacity and as a member of the local fan groups. For example, this

incident has earned the attention of the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM) and the Federal Territory Religious Department (JAWI), which consider that kind of behaviour as against the Islamic law and Malay values. This qualitative study uses thematic textual analysis approach and focuses on the diverse views and audience interpretations of *K-pop* in the form of comments that appear in social media such as Twitter and YouTube as well as two popular news portals – The Star and Free Malaysia Today (FMT). The findings will be analysed through two important themes – self-regulation and selected openness – and these will establish strategic disobedience as a concept to explain the popularity of *K-pop* and its consumption among young Malay women.

**Keywords:** *K-pop, Malay women, popular culture, Islam, modernity.*

## PENGENALAN

Projek kemodenan Malaysia dan perkaitannya dengan wanita Melayu telah banyak diperdebatkan dalam pelbagai aspek. Namun, budaya popular merupakan aspek yang sentiasa diberikan perhatian oleh pihak kerajaan kerana pengaruhnya yang wujud secara langsung dalam konteks kehidupan seharian. Tidak seperti budaya tinggi yang kebiasaannya terkawal dan digunakan oleh golongan kelas atasan sebagai elemen penting dalam proses pembinaan sesuatu ketamadunan, budaya popular menjadi teks budaya utama dalam kalangan khalayak awam di kebanyakan negara (Barker, 2000). Dalam konteks Malaysia, budaya popular mempunyai peranan yang luas dalam kehidupan masyarakat umum khususnya wanita. Antaranya, budaya popular menjadi salah satu elemen penting dalam proses pemodenan negara. Sebagai contoh, kerajaan memberi galakan kepada stesen televisyen tempatan untuk menyiarkan budaya popular Asia seperti drama televisyen dan filem popular bagi menyokong retorik kemodenan negara termasuklah Dasar Pandang ke Timur dan nilai-nilai Asia pada dekad 1980-an dan 1990-an. Galakan ini turut menjadi suatu strategi kerajaan bagi menyeimbangkan teks budaya dari negara Barat khususnya Amerika yang dianggap tidak sesuai dari segi moral dan budaya tempatan.

Menurut Chua (2015), terdapat dua laluan utama dalam membincangkan aliran teks budaya transnasional iaitu laluan yang bersifat kewilayahan dan global. Di Asia misalnya, terdapat empat laluan utama yang boleh dilihat dengan jelas dan keadaan ini dapat dikenalpasti berdasarkan kawasan pengeluaran teks budaya yang amat dominan. Pertama, laluan kewilayahan Asia Selatan yang melibatkan negara seperti India, Pakistan, Bangladesh dan Sri Lanka. Dalam konteks ini, India muncul sebagai kuasa pengeluar teks budaya dominan menerusi industri perfileman *Bollywood* dan *Kollywood*. Pada masa yang sama, terdapat dua laluan aliran teks budaya di wilayah Asia Tenggara iaitu di kawasan tanah besar iaitu Thailand, Cambodia Laos dan Myanmar yang menyaksikan penguasaan dominan Thailand sebagai pengeluar utama teks budaya. Selain itu, kawasan kewilayahan yang meliputi gugusan kepulauan Indonesia, Malaysia, Selatan Filipina dan Selatan Thailand yang mempunyai persamaan kedekatan budaya dari segi penggunaan Bahasa Melayu dan Islam sebagai agama anutan majoriti. Laluan terakhir adalah lingkungan kawasan Asia Timur seperti China, Jepun, Korea, Taiwan, Hong Kong. Laluan ini juga meliputi dua negara Asia Tenggara iaitu Vietnam yang budayanya lebih bersifat Asia Timur dan Singapura yang mempunyai majoriti rakyat berketurunan China lebih daripada 75 peratus daripada jumlah penduduk semasa.

Kemunculan budaya popular bukan Barat khususnya dari negara-negara Asia Timur dan Asia Tenggara seperti Jepun, Taiwan, Korea Selatan, Indonesia, Thailand dan Filipina telah menerima sambutan yang menggalakkan di negara ini khususnya dalam kalangan wanita Melayu. Antara genre yang mendapat perhatian termasuklah drama televisyen, filem, muzik video dan lagu-lagu popular (Karthigesu, 1994). Gelombang budaya popular Asia di negara ini boleh dibahagikan kepada tiga peringkat. Peringkat pertama adalah gelombang budaya popular yang datang dari Hong Kong atau lebih dikenali sebagai *Canto-pop* pada tahun 1970-an dan 1980-an. Keadaan ini diterjemahkan dengan penambahan slot program yang diimport dari Hong Kong dan Taiwan di RTM pada ketika itu (Hashim, 1989). Pada lewat tahun 1990-an, gelombang kedua budaya popular yang datang dari Jepun atau lebih dikenali sebagai *J-pop* melanda negara ini dan ini diikuti budaya popular Korea Selatan, *Hallyu* atau gelombang Korea yang turut membawa *K-pop* pada dekad awal 2000-an (Chua & Iwabuchi, 2008; Nor Hashimah & Zaharani, 2011).

Berbanding *Canto-pop* dan *J-pop*, *K-pop* amat popular dalam kalangan wanita Melayu di negara ini, khususnya generasi muda kerana capaiannya yang luas menerusi media sosial seperti *YouTube*, *Facebook* dan *Twitter*. Keadaan ini diakui oleh beberapa sarjana bahawa platform media sosial seperti *YouTube* menjadi salah satu pacuan penting kepada populariti *K-pop* (Ono & Kwon, 2013; Kim; 2013). Seperti yang ditegaskan oleh Milestone dan Meyer (2012), media baharu mengaburi ruang antara pengeluar teks dan khalayak. Keadaan ini memberi peluang yang lebih fleksibel. Kesannya, *K-pop* berjaya menguasai rating penontonan dan memberi pengaruh luas dalam pembentukan identiti seharian. Kim (2013) menyatakan bahawa eksport muzik *K-pop* telah berkembang pesat dengan nilai eksport sebanyak USD177 juta pada tahun 2011. Berbanding genre budaya popular Korea yang lain, *K-pop* merupakan suatu industri budaya yang terancang dan disasarkan untuk khalayak antarabangsa pada peringkat awal lagi. Kebanyakan artis *K-pop* tidak dilahirkan melalui pertandingan bakat tetapi dilatih secara profesional dan sistematik untuk dijadikan bintang popular khasnya menerusi sistem pembentukan bakat yang dibangunkan pada awal dan pertengahan tahun 1990-an. Sistem ini mengasah bakat seawal umur 12 tahun dan melatih kanak-kanak terpilih untuk menjadi seorang penghibur bertahap global yang *versatile*. Antara program yang diajar termasuklah kelas nyanyian, tarian, lakonan dan bahasa asing (Kim, 2013). Antara bintang *K-pop* yang berjaya dilahirkan menerusi sistem tersebut termasuklah Rain, BoA, Girls' Generation, Wonder Girls, dan Super Junior (Kim, 2013; Shin, 2009).

Antara aspek utama *K-pop* yang menjadi tumpuan khalayak adalah kemodenan global yang disampaikan menerusi kepelbagaian pemaparan seperti budaya pengguna dan gaya hidup progresif menerusi video muzik yang mementingkan nilai-nilai kemodenan liberal. Selain itu, lanskap urban seperti Seoul sebagai ibu negara moden yang menjadi pusat ekonomi, budaya dan tarikan pelancongan global. Pemaparan mengenai wanita dalam pelbagai genre budaya popular Korea turut memberi suatu inspirasi baharu kepada khalayak khasnya wanita Melayu. Ini termasuklah watak wanita yang berkerjaya dan mempunyai kebolehan, peluang serta kebebasan yang berbeza sama sekali pemaparannya dengan dunia realiti. Dengan perkataan lain, kebolehan, peluang dan kebebasan yang dinikmati menerusi pemaparan dalam budaya popular berada pada tahap paling maksimum. Satu lagi aspek yang menjadi faktor penting kepada populariti *K-pop* adalah perkongsian nilai yang mudah diserap dalam kalangan khalayak

di negara ini. Menurut Chua dan Iwabuchi (2008), dan Iwabuchi (2002, 2004), konsep kedekatan budaya merupakan antara penyumbang utama kepada kejayaan *J-pop* pada dekad 1990-an dan pendekatan yang sama telah digunakan untuk menaikkan populariti *K-pop* di negara ini dalam konteks semasa. Populariti mendadak budaya popular di kebanyakan negara Asia seperti Malaysia, Indonesia dan Thailand telah menyaksikan konsep kedekatan budaya digunapakai dengan berkesan terutamanya dalam proses penggunaan teks budaya. Antara unsur biasa yang sering dikenalpasti oleh khalayak menerusi konsep kedekatan budaya termasuklah penampilan fizikal, nilai-nilai budaya dan persepsi harian terhadap idea kemodenan.

Namun, konsep kedekatan budaya masih tidak dapat membendung kritikan dan perdebatan mengenai populariti dan pengaruh *K-pop* di negara ini khasnya dalam kalangan wanita Melayu. Tindakan segelintir mereka yang meratapi kematian bintang *K-pop* terkenal Kim Jong-Hyun telah mengundang kritikan keras daripada organisasi agama dan khalayak umum. Sebagai contoh, Mufti Perak menegaskan tindakan wanita Melayu beragama Islam menyertai kumpulan peminat bukan Islam menyalakan lilin untuk memperingati kematian Kim Jong-Hyun adalah perbuatan yang dilarang Islam (NST, 2017). Dalam pada itu, insiden peluk wanita Melayu bertudung oleh artis berkumpulan popular Korea Selatan – B1A4 turut menjadi satu lagi kontroversi viral dalam media sosial khasnya *Facebook* dan *YouTube* (The Rakyat Post, 2015). Insiden ini telah mendapat perhatian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Wilayah Persekutuan (JAWI) yang menganggap perlakuan tersebut sebagai bertentangan dan menyalahi hukum serta nilai-nilai Islam (Utusan Malaysia, 2015). Pada masa yang sama, beberapa pertubuhan bukan kerajaan seperti Martabat Jalinan Muhibbah Malaysia (MJMM), Gerak Kerja Ayahanda Negeri Selangor (Gegas) dan Majlis Ayahanda Malaysia (Permas) telah menyuarakan bantahan terhadap *K-pop* menerusi demonstrasi dengan berpakaian busana pahlawan Melayu (The Rakyat Post, 2015).

Appadurai (1996) telah menyatakan bahawa usaha-usaha menangkis pengaruh luar yang mempunyai persamaan budaya yang lebih dekat dan mempunyai daya saing pengaruh yang lebih besar telah memberi suatu alternatif kepada rasa kluatir terhadap proses proses *Americanisation*. Keadaan ini mewujudkan suatu paradoks kerana teks budaya bukan Barat seperti Korea Selatan yang digunakan pihak kerajaan untuk mengimbangi aliran teks budaya Amerika menerusi Dasar Pandang ke Timur dan nilai-nilai Asia mewujudkan perdebatan kritikal mengenai isu-isu yang berkaitan dengan budaya, identiti nasional dan Islam yang membentuk idea kemodenan Malaysia. Namun, isu yang lebih penting adalah kontroversi mengenai wanita Melayu dan *K-pop* telah mewujudkan satu lagi persoalan mengenai wanita dalam konteks projek kemodenan di negara ini (Tong & Turner, 2008). Justeru, artikel ini berhujah bahawa wanita Melayu mempunyai pendekatan ketidakpatuhan strategik yang digunakan dalam proses penggunaan budaya popular Korea dan perkaitannya dengan pembinaan imaginasi kemodenan popular. Sebagai contoh, mereka menjadi pelarian dalam dunia imaginasi yang menawarkan pelbagai alternatif kehidupan yang tidak boleh dicapai dalam dunia realiti.

Konsep ketidakpatuhan strategik dikembangkan daripada konsep kemahiran menonton (Md Azalanshah, 2011, 2015) yang digunapakai bagi menerangkan aktiviti penontonan budaya popular televisyen khasnya drama rantaian bukan Barat. Namun, perkembangan teknologi media yang mengetengahkan pelbagai medium termasuklah Internet yang menjadi penjana kepada populariti media sosial hari ini telah merubah sedikit sebanyak kemahiran menonton

wanita Melayu dalam konteks dunia penyiaran dan penggunaan teks media. Apatah lagi, generasi muda telah dikenalpasti sebagai pengguna media sosial tegar di negara ini (Sofian, 2017). Dalam hal ini, ketidakpatuhan strategik merujuk kepada keupayaan taktikal wanita atau gadis Melayu yang tepu dengan pengetahuan yang berasaskan sumber budaya, berpendidikan dan kedekatan mereka dengan media sosial membolehkan suatu ketidakpatuhan yang ditonjolkan dengan cara yang lebih strategik dan menjadi senjata bagi golongan yang dianggap lemah (Scott, 1985).

Namun, populariti *K-pop* yang dijana melalui media sosial hari ini tidak hanya membentuk imaginasi popular tetapi membawa kepada interaksi fizikal yang mengundang kritikan berterusan daripada pelbagai pihak. Keadaan ini menunjukkan bahawa perlakuan wanita Melayu moden hari ini tertakluk kepada apa yang diujahkan oleh Appadurai (1996) sebagai pemisahan terhadap imaginasi daripada persekitaran tempatan atau lebih dikenali sebagai *detrterritorialization of imagination*). Ketidakpatuhan ini, seperti yang akan diujahkan, adalah perlakuan strategik yang diwujudkan atas kapasiti tertentu termasuklah komuniti peminat dan tindakan yang bersifat peribadi. Artikel ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Sejarah dan penyertaan wanita Melayu dalam projek kemodenan Malaysia akan dibincangkan dengan rinci pada bahagian pertama artikel ini. Bahagian seterusnya akan menumpukan kepada kemunculan budaya popular Korea di negara ini dan perdebatan mengenainya di bawah tiga konteks penting iaitu wanita Melayu, Islam dan kemodenan Malaysia. Bahagian terakhir membincangkan dapatan dan analisis kajian menerusi tema yang dibentuk hasil daripada kepelbagaian pendapat serta perbincangan khalayak dalam media sosial dan akhbar tempatan mengenai *K-pop* dan popularitinya. Analisis dapatan turut menumpukan kepada strategi yang digunakan oleh wanita Melayu untuk menyesuaikan pemaparan kemodenan popular Korea dengan kemodenan Malaysia seperti pengawalan sendiri dan keterbukaan terpilih.

#### WANITA MELAYU DAN PROJEK KEMODENAN NEGARA

Usaha-usaha pemodenan negara telah menyaksikan wanita Melayu sentiasa menjadi tumpuan perdebatan dalam pelbagai bidang yang meliputi politik, ekonomi dan juga sosial. Maka dengan itu, isu yang sering diketengahkan oleh kerajaan adalah kebebasan yang mula dinikmati oleh golongan ini dalam dunia moden. Kemajuan dalam bidang pendidikan, pengukuhan ekonomi dan capaian luas terhadap kemudahan teknologi maklumat telah membolehkan wanita Melayu menyertai pelbagai projek kemodenan yang dilakukan oleh kerajaan. Pada masa yang sama, aliran teks budaya global dari pelbagai negara telah memberi ruang baharu kepada wanita Melayu untuk berinteraksi dan menyesuaikan pemaparan kemodenan dalam kehidupan seharian mereka. Penyertaan wanita Melayu dalam agenda kemodenan Malaysia bermula dalam bidang politik menerusi penyertaan Kaum Ibu UMNO pada tahun 1945 dalam proses kemerdekaan negara (Manderson, 1977). Namun, penyertaan mereka sebagai komponen wanita parti hanya digunakan untuk meraih sokongan politik UMNO yang secara keseluruhannya dipimpin secara patriarki. Malahan, peranan sampingan ini ditegaskan oleh Manderson (1977) lantaran kedudukan mereka yang tidak memberi kesan kepada peranan yang diberikan.

Kedudukan wanita dalam projek kemodenan Malaysia menjadi bertambah rumit selepas merdeka khususnya pada dekad 1970-an dan 1980-an. Dasar Ekonomi Baharu, perkembangan ekonomi industri dan kemunculan gerakan Islam masih mengekalkan status penyertaan mereka yang bersifat sampingan dan tidak dominan. Malahan, wanita sentiasa menjadi subjek perdebatan di peringkat nasional khususnya terhadap kesan proses pemodenan dalam bidang ekonomi dan sosial. Dasar perindustrian yang dilancarkan oleh kerajaan telah menggalakkan kemasukan pelabur asing dari Jepun, Korea Selatan dan Taiwan. Kesannya, banyak kilang elektronik bersaiz besar dan sederhana telah dibuka dan gadis Melayu khususnya dari kawasan luar bandar telah diambil bekerja sebagai buruh (Shamsul, 1997). Keadaan ini secara tidak langsung memberi platform baharu kepada wanita Melayu untuk meneroka projek kemodenan negara pada dekad 1980-an dan 1990-an. Kebebasan dan pendapatan yang dinikmati mewujudkan kebimbangan dalam kalangan ibu bapa dan sistem moral. Antaranya, peningkatan tahap kebebasan untuk bersosial seperti menonton wayang gambar dan membeli belah, berpakaian gaya Barat dan menjalinkan hubungan dengan lelaki bukan Melayu telah mewujudkan perdebatan umum. Selain digelar sebagai *Minah Karan*, wanita Melayu turut dianggap bukan Melayu kerana perlakuan mereka yang mula menentang struktur moral masyarakat Melayu pada ketika itu (Ong, 1987; Ackerman, 1991).

Gerakan Islam yang muncul pada lewat tahun 1970-an dan 1980-an turut membentuk penyertaan wanita Melayu dalam projek kemodenan Malaysia. Selain galakan pemakaian tudung yang menjadi identiti penting dalam kalangan wanita Melayu, Gerakan Islam telah menyusun semula peranan wanita dalam ruang lingkup peribadi di rumah dan hal ehwal kekeluargaan. Dalam hal ini, Stivens (1996) menyatakan bahawa rumah telah diungkapkan sebagai suatu platform penting dalam membincangkan rasa ketidaktentuan mengenai projek kemodenan Malaysia. Pelbagai kempen telah dilancarkan seperti *Keluarga Bahagia* dan *Rumahku Syurgaku* telah dilancarkan pada dekad 1990-an untuk memberi kesedaran mengenai fungsi wanita sebagai pengurus keluarga dan contoh moral kepada anak-anak. Kempen tersebut diperbaharui dengan pelbagai slogan pada dekad 2000-an seperti *Kami Prihatin* dan *Masa Tanpa Gajet* untuk tujuan kesesuaian konteks khususnya dalam kalangan generasi baharu (Utusan Malaysia, 2018; 2010). Namun, seperti dinyatakan oleh Stivens (1998), kempen dan slogan seperti ini memberi galakan tersirat untuk wanita terus kekal berada di rumah dan menumpukan sepenuh perhatian kepada keluarga.

Dalam konteks semasa, perdebatan mengenai wanita Melayu dalam projek kemodenan telah diperluaskan dalam aspek budaya popular. Apatah lagi, golongan kelas pertengahan Melayu hari ini mempamerkan kecenderungan yang tinggi terhadap budaya popular khususnya menerusi media massa seperti televisyen dan majalah popular. Namun, kemajuan teknologi pada hari ini memperlihatkan media sosial mula mengambil alih peranan media tradisional (Nuurrianti, 2016) dalam proses pembentukan imaginasi popular terhadap idea-idea kemodenan khususnya dalam kalangan wanita Melayu. Tidak seperti media tradisional, media sosial mempunyai ciri-ciri interaktif yang memberikan kebebasan sepenuhnya kepada khalayak seperti wanita Melayu untuk meneroka, memuat naik dan memuat turun, berkongsi dan memberi komen bersama *imagined community* atau komuniti bayangan (Anderson, 1983) yang membentuk perkongsian minat dan nilai-nilai yang sama. Oleh demikian, tidak dapat dinafikan peranan penting yang dimainkan oleh media sosial dalam menyebarkan pemaparan imej

kemodenan dalam budaya popular sama ada yang dihasilkan di peringkat global atau pun tempatan.

Budaya popular dan wanita Melayu telah diberi perhatian oleh pelbagai sarjana lepas dalam siri kajian yang menyentuh banyak aspek. Antaranya Stivens (1994) yang menggunakan beberapa majalah wanita tempatan untuk meneliti pemurnian semula tradisi Melayu menyatakan bahawa amalan yang sering dilakukan oleh wanita Melayu seperti membesarkan anak-anak, menghias rumah, hubungan suami isteri, resepi masakan tradisi dan lain-lain telah disesuaikan dalam konteks kemodenan Malaysia dan pembinaan kelas pertengahan Melayu. Selain majalah, filem turut menjadi perhatian sarjana lepas untuk melihat proses pembentukan idea kemodenan dalam kalangan wanita Melayu. Sebagai contoh, Khoo (2006) memberi suatu sorotan lengkap mengenai penglibatan pengarah filem wanita Melayu dengan idea kemodenan Malaysia menerusi pemaparan watak-watak wanita moden tanpa menyentuh isu emansipasi seksual yang sering menjadi perdebatan umum. Apa yang penting, seperti ditegaskan oleh Khoo (2006), keselesaan watak wanita Melayu moden dalam filem mendakap kemodenan Malaysia masih lagi dibataskan dengan struktur moral dan sosial masyarakat Melayu. Pandangan Khoo (2006) turut diterjemahkan menerusi penelitian Dahlia (2014) terhadap wanita Melayu kelas pertengahan bandar dan penggunaan “naratif keagamaan” yang memberi keutamaan kepada impian pembentukan komuniti global atau ummah berbanding ciri-ciri kemelayuan dalam membentuk identiti mereka.

Perkembangan budaya popular di peringkat global yang tersebar menerusi media sosial telah memberi suatu cabaran besar kepada kerajaan untuk memantau penglibatan dan penyertaan wanita terhadap idea-idea kemodenan. Pertamanya, tidak seperti media tradisional seperti televisyen dan majalah yang mudah dipantau dari segi penerbitan dan penyiarannya, media sosial mempunyai capaian yang cukup luas terhadap sebarang bentuk pemaparan di peringkat global. Jika sebelum ini, wanita Melayu agak sukar dipantau dalam ruang lingkup peribadi ketika aktiviti menonton televisyen berlangsung, capaian terhadap budaya popular global menerusi aplikasi telefon pintar menjadikan proses pemantauan menjadi lebih rumit. Keduaanya, ciri media sosial yang membolehkan pengguna menikmati pemaparan, melontarkan pandangan dan berkongsi minat yang sama telah mewujudkan suatu komuniti bayangan yang berusaha membentuk strategi tertentu dalam membina imaginasi kemodenan baharu yang pada suatu tahap berbeza seperti yang dinyatakan dalam idea kemodenan Malaysia.

#### POPULARITI K-POP, KEMAHIRAN MENONTON DAN PEMBENTUKAN IMAGINASI POPULAR GLOBAL DI MALAYSIA

Kemunculan budaya popular Korea Selatan atau *K-pop* di Malaysia bermula pada pertengahan dekad 2000-an dengan tayangan drama televisyen *Winter Sonata* di TV3. Drama televisyen ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada khalayak khususnya wanita Melayu. Antara faktor utama yang menyumbang kepada populariti drama televisyen ini termasuklah pelakon popular Korea Selatan, lanskap penggambaran yang menarik, gaya hidup bandaran dan ciri budaya pengguna yang jelas ditampilkan menerusi pakaian, makanan dan pengangkutan. Populariti *Winter Sonata* telah mencetuskan suatu fenomena *Hallyu* atau gelombang Korea di negara ini. Ini termasuklah kecenderungan khalayak massa khususnya wanita Melayu untuk menghargai drama televisyen, lagu-lagu popular, filem, lokasi pelancongan popular dan

makanan dari negara ini. Misalnya, konsert pelakon dan penyanyi popular Rain di Kuala Lumpur telah dihadiri ribuan peminatnya yang terdiri daripada pelbagai kaum (Utusan Malaysia, 2007).

Lagu-lagu artis *K-pop* berkumpul seperti Shinee, Big Bang, Girls Day, GOT7, B1A4 dan Dal Shabet mula menjadi kegilaan remaja di negara ini. Selain itu, filem popular Korea Selatan *Train to Busan* telah mengumpul kutipan lebih RM21 juta ringgit di pawagam tempatan pada tahun 2016. Pada masa yang sama, Korea Selatan menjadi destinasi pilihan rakyat Malaysia untuk melancong dan dilaporkan lebih dua ratus ribu orang telah berkunjung ke negara itu pada setiap tahun (Utusan Malaysia, 2015). Hidangan ala Korea Selatan turut menjadi kegilaan khalayak di negara ini dengan kewujudan Kimchi halal dan sebagainya. Namun, persoalan yang sering ditimbulkan oleh para sarjana ialah apakah faktor utama yang menyumbang kepada populariti budaya popular Korea Selatan di kebanyakan negara Asia Tenggara termasuk Malaysia? Antaranya termasuklah elemen kedekatan budaya (Iwabuchi, 2002, 2004) yang menerangkan bahawa khalayak cenderung untuk memilih pemaparan yang mempunyai persamaan yang lebih kurang serupa dan menjarakkan diri mereka terhadap isu yang dirasakan kurang sesuai ketika proses pencernaan teks budaya berlangsung.

Keadaan ini disokong oleh Chua (2008) yang mengemukakan konsep pengenalpastian dan penjarakkan dalam proses penggunaan budaya popular transnasional. Antara unsur biasa yang dikenalpasti oleh khalayak termasuklah penampilan fizikal, nilai-nilai budaya dan persepsi terhadap kemodenan yang turut meliputi budaya pengguna dan gaya hidup bandar. Namun, latar budaya dan kehidupan sosial di sesetengah negara seperti Malaysia yang mementingkan Islam dalam pembentukan idea kemodenan menjadikan konsep kedekatan budaya atau pengenalpastian dan penjarakkan tidak begitu tepat untuk menjelaskan mengapa *K-pop* begitu popular di negara ini. Laporan akhbar tempatan yang meminta produksi budaya popular tempatan khususnya drama televisyen untuk mencontohi produksi *Winter Sonata* yang menonjolkan jalan cerita romantis, keindahan pemandangan musim salji, budaya, adat resam, makanan dan kenderaan yang dihasilkan oleh pengilang tempatan menunjukkan bahawa unsur asing dalam produk budaya popular Korea Selatan mampu memberikan keseronokan menonton (Utusan Malaysia, 2002). Malahan, unsur asing ini telah diperluaskan dalam produk budaya Korea Selatan yang lain termasuklah muzik video, filem dan lagu-lagu popular.

Chua (2008) menyatakan bahawa aspek 'bukan seperti kita' mampu menarik minat khalayak di negara Asia Tenggara untuk terus menonton budaya popular Korea Selatan seperti drama televisyen. Pandangan Chua (2008) boleh diperdebatkan kerana jika khalayak di Malaysia gemar melihat elemen asing dalam produk budaya Korea Selatan, mengapa mereka tidak menonton produk budaya yang jauh lebih asing seperti produk dari Barat? Dalam menjawab persoalan sedemikian, amat penting untuk diteliti proses penggunaan teks budaya yang melibatkan kemahiran bersifat strategik khususnya dalam kalangan wanita Melayu. Ini kerana ketepuan wacana nasional, adat dan Islam dalam konteks kehidupan seharian telah mendorong mereka untuk melakukan penyesuaian timbangtara secara bebas dalam proses penggunaan teks budaya. Kajian etnografi yang telah dijalankan oleh penulis (Md Azalanshah, 2011, 2015) telah memperlihatkan wanita Melayu mempraktikkan apa yang dipanggil sebagai kemahiran menonton ketika melakukan aktiviti penggunaan teks budaya dari negara-negara seperti Jepun, Korea Selatan, Indonesia, Thailand dan Filipina.



Seperti yang telah disarankan oleh penulis, kemahiran menonton adalah suatu kemahiran dinamik, bersifat pelbagai dan boleh mengalami perubahan khususnya dari segi perundangan dan penyesuaian (Md Azalanshah, 2015). Namun, perkembangan teknologi dan perubahan sosial yang berlaku dengan pantas di negara ini telah memberi ruang yang lebih baharu dan bersifat pelbagai *platform* (Mohd Yuszaidy & Muammar, 2015). Sehubungan itu, imaginasi popular yang terbentuk menjadi lebih sukar untuk dipantau. Persoalannya, apakah bentuk kemahiran menonton yang digunakan oleh wanita Melayu khususnya generasi muda yang berpendidikan dan mempunyai capaian luas terhadap media sosial? Bahagian seterusnya dalam artikel ini akan membincangkan bagaimana wanita Melayu yang sering menjadi intipati perdebatan dalam konteks kemodenan Malaysia menggunakan pendekatan ketidakpatuhan strategik sebagai suatu pendekatan kemahiran menonton dalam isu-isu penggunaan budaya popular khususnya dari Korea Selatan.

#### *DETTERRITORIALIZATION OF IMAGINATION, FANDOM DAN STRATEGI KETIDAKPATUHAN DALAM KALANGAN WANITA MELAYU*

Antara isu yang sering diperdebatkan oleh kerajaan mengenai penggunaan budaya popular dalam kalangan wanita Melayu adalah pengaruh luar yang boleh merosakkan identiti budaya masyarakat tempatan dan projek kemodenan Malaysia. Appadurai (1996) telah mengetengahkan konsep *detterritorialization of imagination* dalam usaha menerangkan aliran budaya transnasional menerusi media yang boleh mempengaruhi imaginasi pemikiran manusia menerusi himpunan imej dan bunyi. Media seperti televisyen dilihat mempunyai peranan yang cukup penting dalam mengukuhkan konsep *detterritorialization of imagination* yang seterusnya mampu melemahkan ikatan budaya masyarakat terhadap struktur moral dan cara hidup. Malahan sarjana seperti Shohat dan Stam (1996) menyatakan bahawa idea komuniti bayangan yang terbentuk melalui media massa mula goyah lantaran keupayaan masyarakat pada hari ini bertemu secara fizikal dan terlibat dengan realiti sebenar dengan lebih mudah.

Namun, perkembangan dan keupayaan teknologi seperti media sosial di Malaysia hari ini tidak hanya mengukuhkan konsep komuniti bayangan tetapi membawa konsep *detterritorialization of imagination* kepada dimensi yang baharu. Ini kerana penggunaan budaya popular Korea Selatan dalam kalangan wanita Melayu tidak hanya mempengaruhi imaginasi tetapi melibatkan interaksi fizikal yang mengundang kritikan berterusan dari aspek Islam dan kemodenan Malaysia. Sebagai contoh, insiden peluk tiga wanita Melayu bertudung oleh artis berkumpulan Korea Selatan B1A4 dan penyertaan wanita Melayu menyalakan lilin untuk memperingati kematian Kim Jong-Hyun. Pada masa yang sama, penggunaan media sosial seperti *Twitter*, *Facebook* dan *YouTube* yang begitu tepu dalam kalangan generasi muda di Malaysia secara tidak langsung telah mewujudkan suatu komuniti bayangan dalam talian (Gruzd, Wellman & Takhteyev, 2011). Misalnya, kumpulan peminat telah seperti *Malaysian Kpop Fans* dan *Hallyu Malaysia* telah dibentuk menerusi media sosial seperti *Twitter*. Malahan, *hashtag* mengenai kematian Kim Jong-Hyun – *#RosesForJongHyun* menjadi *trending* melalui *Twitter* dalam kalangan komuniti peminat *K-pop* di Malaysia.

Populariti *K-pop* turut membentuk *fandom* yang kebanyakannya disertai oleh golongan wanita pelbagai kaum termasuklah wanita Melayu. Keadaan ini boleh dilihat dalam kebanyakan konsert dan sesi bertemu peminat (Hariati, 2015). Akhbar tempatan melaporkan bahawa

peminat *K-pop* mewujudkan kumpulan dan rangkaian peminat yang turut menghimpunkan foto, artikel dan muzik video penyanyi atau pelakon kegemaran mereka (Utusan Malaysia, 2011). Sebagai contoh, lima ribu orang peminat *K-pop* telah hadir ke Pavillion Bukit Bintang untuk sesi bertemu peminat filem *The Battleship Island* yang turut dihadiri pelakon terkenal Song Joong-Ki (Utusan Malaysia, 2017). Kecenderungan yang dipamerkan oleh wanita Melayu menerusi penyertaan mereka dalam pelbagai aktiviti *K-pop* menepati apa yang dinyatakan oleh Jenkins (2006) mengenai hubungan konsep *participatory culture* dengan penggunaan budaya popular iaitu menyimpan gambar pelakon, menghasilkan dan mengedar majalah peminat atau menyertai sebarang persidangan khusus mengenai genre atau program televisyen tertentu. Dengan perkataan lain, mereka adalah peminat yang menyesuaikan teks popular dan membacanya semula menerusi penaakulan berdasarkan pendekatan yang menentukan minat yang tertentu; dan sebagai khalayak yang mengubah pengalaman menonton televisyen kepada budaya penyertaan yang begitu rumit. (Jenkins, 1992).

Populariti *K-pop* di Malaysia hari ini kebanyakannya ditentukan oleh penyebaran maklumat menerusi media sosial. Justeru, peminat *K-pop* boleh dianggap sebagai suatu komuniti bayangan yang terhasil melalui penggunaan tepu media sosial seperti *YouTube* dan *Twitter* yang turut bertanggungjawab mencorakkan identiti sosial dan budaya seharian mereka berdasarkan amalan strategi tertentu. Malah, penulis berhujah dalam kajian yang lepas bahawa sesetengah khalayak wanita Melayu menggunakan aspek kematangan untuk membentuk ketidakpatuhan strategik dalam proses penggunaan teks budaya seperti drama rantaian (Md Azalanshah, 2011, 2015). Namun, keadaan ini jauh berbeza dengan peminat *K-pop* yang kebanyakannya masih tergolong dalam kalangan generasi muda wanita Melayu yang berumur antara 15 hingga 25 tahun (Nadia, 2019; Khadijah, 2015). Apatah lagi, insiden secara fizikal yang melibatkan wanita Melayu dan *K-pop* memberi suatu andaian bahawa konsep ketidakpatuhan strategik yang selama ini digunakan untuk menyesuaikan dan menimbangtara teks budaya di kaca televisyen tidak lagi relevan dalam membincangkan penggunaan budaya popular Korea Selatan dalam konteks semasa.

Namun, kajian ini berhujah bahawa perlakuan yang ditampilkan oleh wanita Melayu menerusi insiden fizikal bersama artis berkumpulan *K-pop* B1A4 dan isu meratapi kematian Kim Jong-Hyun masih tidak meletakkan mereka di bawah kategori pasif iaitu dijajah dari segi identiti dan budaya, atau menentang; serta melakukan amalan yang bertentangan dengan struktur moral masyarakat Melayu dan idea kemodenan Malaysia. Mereka menggunakan dua pendekatan ketidakpatuhan strategik iaitu pengawalan sendiri dan keterbukaan terpilih dalam menentukan proses penggunaan teks budaya popular Korea Selatan yang turut meliputi interaksi fizikal di luar ruang lingkup peribadi. Bahagian seterusnya akan membincangkan dengan rinci kaedah kajian dan analisis terhadap dapatan iaitu dua strategi ketidakpatuhan: pengawalan sendiri yang lebih bersifat individu dan keterbukaan terpilih yang diamalkan atas dasar komuniti peminat.

#### KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis tekstual bertema secara kualitatif (Hsieh & Shannon, 2005) dan hanya menumpukan perhatian kepada kepelbagaian pandangan dan tafsiran khalayak mengenai *K-pop* dalam bentuk komen yang terpapar dalam media sosial seperti *Twitter* dan *YouTube* serta portal berita termasuklah *The Star* dan *Free Malaysia Today*

(FMT). *Twitter* dan *YouTube* merupakan media sosial yang lebih menjadi pilihan generasi muda untuk membincangkan populariti dan kontroversi K-pop dalam kalangan generasi muda hari ini. Sebagai contoh, portal berita seperti *Awani*, *Free Malaysia Today*, *Malaysiakini* dan *The Star* amat kerap menggunakan hantaran dan komen di *YouTube* dan *Twitter*. Portal akhbar seperti *The Star* dan *Free Malaysia Today* banyak menyiarkan berita mengenai kontroversi K-pop dan perbincangan mengenainya mendapat perhatian luas berbentuk komen dalam pelbagai media sosial termasuk *Facebook* dan *Twitter* (Hariati, 2015; Soo, 2017). Seperti yang disarankan oleh Hsieh dan Shannon (2005), pandangan ini akan dianalisis menerusi dua tema penting iaitu pengawalan sendiri dan keterbukaan terpilih. Pengawalan sendiri merupakan kemahiran menonton yang berasaskan kepada faktor kematangan yang bersifat peribadi. Meskipun wanita Melayu dalam kajian ini berusia dalam lingkungan antara 15 hingga 25 tahun, mereka memperlihatkan kematangan dari segi pengetahuan dan berfikir dengan rasional. Jika pengawalan sendiri lebih bersifat peribadi, keterbukaan terpilih dibentuk berdasarkan kapasiti individu yang menjadi sebahagian atau ahli kumpulan peminat K-pop di negara ini. Keterbukaan terpilih menjamin keseronokan mereka menikmati K-pop sebagai budaya popular tetapi dengan tidak menentang budaya dan identiti tempatan. Sebagai contoh, walaupun sesetengah *K-popper* menghadapi kritikan dan kecaman terhadap perlakuan yang dianggap melanggar batasan adat dan agama, mereka mempertahankan tindakan tersebut tidak hanya dengan pelbagai justifikasi yang rasional tetapi sebagai ahli kumpulan peminat yang berkesatuan dan melindungi hak sesama mereka.

Analisis tekstual memberikan suatu dimensi baharu dalam kajian khalayak semasa pada hari ini. Sarjana seperti Zeller, Ponte dan O'Neill (2014) menyatakan bahawa kaedah etnografi khalayak memerlukan suatu proses pencergasan semula dari segi pembangunan paradigma dan penggunaan konsep serta kaedah yang lebih bersesuaian dengan perubahan lanskap khalayak, media dan cabaran semasa dalam dunia akademik (Zeller et. al., 2014; Patriarche, Bilandzic, Jensen, & Jurišić, 2014). Meskipun kajian ini tidak melibatkan etnografi khalayak yang biasanya menekankan teknik temubual mendalam atau kumpulan fokus, gaya penontonan khalayak semasa yang cenderung menggunakan media sosial untuk memberikan komen dalam pelbagai platform telah meletakkan analisis tekstual kualitatif lebih relevan dan tepat sebagai suatu kaedah untuk meneliti tafsiran mereka terhadap isu-isu penggunaan budaya popular Korea Selatan. Pada masa yang sama, pengkaji turut mengambil maklum mengenai isu etika dalam konteks kajian yang melibatkan dapatan menerusi media sosial seperti yang disarankan oleh sesetengah sarjana seperti Flicker, Haans dan Skinner (2004), Zimmer (2010) serta Naslund et al. (2014). Dapatan kajian tidak boleh dianggap sebagai suatu pandangan umum mengenai proses penggunaan budaya popular Korea Selatan dalam kalangan wanita Melayu di Malaysia.

### *Pengawalan Kendiri*

Seperti yang telah dibincangkan dalam kebanyakan kajian lepas, wanita Melayu mempamerkan kecenderungan untuk menggunakan adat dan Islam dalam menentukan pembinaan strategi tertentu dalam proses penggunaan budaya popular (Stivens, 1994; Md Azalanshah, 2015). Namun, perkembangan zaman hari ini telah memperlihatkan generasi muda yang berpendidikan tinggi mula berfikiran terbuka dan mempunyai capaian luas terhadap media sosial. Mereka tidak hanya melakukan aktiviti penggunaan budaya popular global menerusi

imaginasi dalam ruang lingkup peribadi, tetapi mempamerkan interaksi fizikal dalam aktiviti bertemu peminat dengan penyanyi atau pelakon kesayangan mereka. Kecenderungan ini memberi cabaran baharu kepada kerajaan untuk memantau wanita Melayu dalam konteks adat dan Islam yang membentuk kemodenan Malaysia hari ini. Walaubagaimanapun, dapatan kajian menerusi komen dalam media sosial dan portal berita memperlihatkan ketidakpatuhan strategik yang bersifat individu terhadap insiden fizikal yang melibatkan wanita Melayu dan artis *K-pop* kegemaran mereka. Selain bersifat individu, pandangan ini turut mengetengahkan pengawalan sendiri terhadap pengaruh dan populariti *K-pop* dalam konteks kehidupan mereka.

Saya tertarik dengan budaya *K-pop* kerana perasaan positif yang mereka gambarkan dan nada muzik yang sentiasa menggembirakan. Ini yang membuatkan saya tertarik untuk belajar bahasa baru. Malah, saya juga tertarik dengan pertumbuhan ekonomi mereka, bagaimana mereka cemerlang dalam kerja dan bagaimana mereka berada di belakang Malaysia pada suatu ketika dan hari ini mereka adalah salah satu negara yang lebih maju dan terkemuka dalam teknologi (Faie Kimi, FMT).

Faie Kimi menyatakan bahawa budaya *K-pop* memberikan pengaruh positif dalam kehidupan dan memberi ruang untuk meneroka peluang baharu seperti mempelajari bahasa Korea. Selain itu, *K-pop* turut mendorong beliau untuk mengambil tahu mengenai perkembangan ekonomi Korea Selatan yang pernah lebih mundur daripada Malaysia suatu ketika dahulu. Faktor-faktor positif ini mendorong Faie Kimi mengamalkan ketidakpatuhan strategik untuk tidak mematuhi saranan pihak berkuasa agama dan badan bukan kerajaan yang telah mengecam perlakuan wanita Melayu dalam isu-isu kontroversi *K-pop*. Pandangan Faie Kimi turut dikongsi oleh sebilangan peminat *K-pop* yang lain seperti Irah dan Shaa Mastar. Irah merupakan peminat tegar *K-pop* yang menolak pandangan negatif mengenai budaya popular dari Korea Selatan. Beliau menyatakan bahawa komuniti peminat *K-pop* mempunyai pengetahuan terhadap batasan perlakuan mereka sepanjang aktiviti seperti konsert berlangsung. Ketidakpatuhan beliau ditonjolkan melalui kuasa pemutus terhadap apa yang dibenarkan atau dilarang dalam konteks masyarakat Melayu. Pandangan Irah turut mengetepikan kritikan terhadap komuniti peminat *K-pop* dalam kalangan pihak berkuasa agama. Beliau secara strategik mengukuhkan dapatan sarjana lepas mengenai taktik yang dilakukan oleh wanita Melayu dalam proses penggunaan budaya popular.

Peminat *K-pop* sebenarnya mempunyai perlakuan yang baik. Kita tahu setiap batasan yang perlu diikuti dan boleh buat keputusan tentang apa yang boleh dan apa yang tidak. Masalahnya sekarang di Malaysia orang gemar membesar-besarkan perkara yang tidak perlu (Irah, *The Star*).

Adalah suatu kebiasaan untuk melihat peminat mengerjakan solat ketika konsert *K-pop* atau sesi bertemu peminat berlangsung. Orang menggelar kami fanatik tetapi kami tahu batasan kami (Shaa Mastar, *The Star*).

Kenyataan peribadi Irah amat menarik untuk dibincangkan khasnya dari segi strategi ketidakpatuhan beliau yang turut mempersoalkan sistem moral dalam kemodenan Malaysia yang terbentuk berdasarkan adat, Islam dan wacana nasional. Sebagai contoh, beliau dengan jitu mengkritik kelompok tertentu dalam masyarakat yang gemar membesar-besarkan perkara yang kecil. Seorang lagi peminat, Shaa Mastar menyatakan bahawa pengetahuannya terhadap batasan agama dan budaya tidak menghalang beliau untuk ke konsert *K-pop*. Tindakan beliau untuk bersolat terlebih dahulu sebelum pergi ke konsert menunjukkan bahawa wanita Melayu mempunyai kapasiti dalam membuat sebarang keputusan yang bersifat individu. Selain itu, pengawalan sendiri turut dipamerkan dengan pendekatan yang bersifat praktikal dan disesuaikan dalam konteks dunia yang lebih moden. Misalnya, Daya97 menganggap bahawa *K-pop* membantu beliau untuk mengubah pandangan kebencian dan cemuhan terhadap budaya popular Korea Selatan ini daripada negatif kepada positif.

Saya menggemari *K-pop* meskipun ramai orang di sekeliling saya amat membencinya. Apa yang saya lakukan ialah dengan menggantikan anggapan sedemikian daripada negatif kepada yang positif. Misalnya, saya buktikan kepada ibu bapa bahawa saya boleh mencapai keputusan cemerlang di kolej dan saya berjaya. Jadi mereka hanya senyap. Saranan saya, jadikan semua anggapan negatif begini kepada perkara yang positif (Daya97, *Twitter*).

Aku setuju kita ambik pengajaran sebab penyakit *depression* yg kita perlu ambik berat sebagai punca jonghyun bunuh diri. Tapi kalau sampai buat gathering, meratapi, berkabung dgn pemergian Jonghyun *it a big no* la. Aku minat kpop *even* malu dgn perangai kpopers Malaysia ni (Fahmi, *Twitter*).

Pandangan Daya97 amat selari dengan dapatan Wilson (2004) yang menegaskan bahawa khalayak Melayu cenderung menyesuaikan dan membaca semula teks popular seperti rancangan televisyen asing menerusi penaakulan taktikal kreatif. Bacaan secara taktikal ini mampu mengubah kandungan tekstual dari sudut pola moral yang secara langsung atau tidak langsung boleh dianjak atau diundurkan. Fahmi, seorang lagi pengguna *Twitter*, turut memperlihatkan pengawalan sendiri beliau dalam memahami isu kontroversi yang melibatkan *K-pop*. Meskipun bersetuju bahawa terdapat pengajaran moral yang boleh dijadikan sumber pengetahuan berdasarkan peristiwa kematian bintang *K-pop* terkenal Kim Jong-Hyun, beliau memperlihatkan pengawalan secara individu dalam menaakul semula elemen moral dalam konteks masyarakat Melayu Islam.

#### *Keterbukaan Terpilih*

Selain pengawalan sendiri, keterbukaan terpilih turut diterjemahkan sebagai pelengkap kepada amalan ketidakpatuhan strategik dalam kalangan wanita Melayu yang membentuk komuniti peminat *K-pop* di negara ini. Berbeza dengan pengawalan sendiri yang bersifat peribadi, keterbukaan terpilih digunakan oleh wanita Melayu atas dasar komuniti *K-pop fandom* atau lebih dikenali sebagai *K-popper*. Dengan perkataan lain, selari dengan takrifan oleh Jenkins (2006) mengenai *participatory culture*, mereka memberikan kenyataan sebagai *K-popper* yang

sentiasa setia menyokong penyanyi, pelakon atau artis berkumpulan *K-pop* kegemaran mereka dalam semua pendekatan seperti mengambil bahagian dalam sesi *fanservice* (sesi bertemu peminat), *skinship* (intimasi fizikal), *fanchant* (sorakan dalam lagu) atau bertindak sebagai *fansite master* (penyedia maklumat idol) dan lain-lain. Sebagai contoh, Malaysia Kpop Fans merupakan laman utama di Malaysia yang menyediakan panduan kepada peminat K-pop mengenai kesemua pendekatan ini. Faie Kimi, salah seorang *K-popper* menyatakan bahawa semangat yang dipamerkan dalam komuniti peminat *K-pop* telah menyumbang kepada populariti *K-pop* itu sendiri. Sebagai contoh, sikap peminat tempatan untuk menyertai pelbagai aktiviti *fanservice* yang dijalankan setiap kali konsert *K-pop* berlangsung di negara ini telah mengubah perhatian generasi muda kepada dunia hiburan Korea Selatan. Keterbukaan terpilih Faie Kimi terhadap budaya popular Korea Selatan dan sebagai salah seorang *K-popper* turut ditonjolkan melalui perbandingannya terhadap budaya popular tempatan yang mempunyai pelbagai halangan untuk dinikmati.

Di Malaysia semua tak boleh. Jadi jangan terkejut kalau generasi muda lebih menggemari dunia hiburan dari negara lain (Faie Kimi, FMT).

Mereka tahu kami adalah individu yang bertanggungjawab. Pihak berkuasa tidak boleh mengharamkan *K-pop* kerana bukan orang Melayu sahaja yang pergi menontonnya. Kalau mereka mahu teruskan juga, mereka perlu hentikan semua genre muzik (Nana, *The Star*).

Saya juga peminat *K-pop*. Saya harap semua peminat *K-pop* yang lain dapat jadikan peristiwa ini sebagai suatu pengajaran. Bagi mereka yang tidak meminati *K-pop*, mencaci bukan suatu penyelesaian yang boleh membantu. Jika hendak memberikan nasihat, sila fikir dahulu sama ada nasihat tersebut disampaikan dengan cara yang baik atau sebaliknya. Jangan terlalu tegas kepada mereka. Mereka mungkin tak tahu apa-apa macam saya juga (Themomentwhenyougotjams, *YouTube*).

Ketidakpatuhan strategik melalui sikap keterbukaan terpilih dilihat agak ketara khasnya menerusi komen mengenai isu wanita Melayu beragama Islam menyertai kumpulan peminat bukan Islam di Kuala Lumpur menyalakan lilin untuk memperingati kematian Kim Jong-Hyun. Menurut Themomentwhenyougotjams, sebagai salah seorang *K-popper*, beliau menyatakan bahawa tindakan sekumpulan wanita Melayu tersebut perlu dijadikan pengajaran supaya kesilapan yang sama tidak akan berulang pada masa akan datang. Namun, Themomentwhenyougotjams turut menasihati golongan bukan *K-popper* agar tidak melemparkan pandangan negatif kerana kemungkinan besar tindakan menyalakan lilin tidak diketahui oleh kelompok wanita terbabit sebagai menentang ajaran Islam. Tanggapan Themomentwhenyougotjams yang dikemukakan amat menarik untuk diteliti. Ini kerana, tindakan yang dilakukan amat jelas bertentangan hukum Islam seperti yang disarankan oleh Mufti Perak. Namun, strategi keterbukaan terpilih ditunjukkan atas dasar *K-popper* yang membentuk komuniti peminat – sama ada dalam bentuk komuniti bayangan menerusi *Twitter* atau kehadiran fizikal yang membuat tindakan tertentu atas nama komuniti. Berkongsi

pandangan Themomentwhenyougotjams, seorang lagi *K-popper*, Nana menganggap bahawa pihak yang memberi kritikan berterusan terhadap peminat K-pop sendiri menyedari mereka bertanggungjawab mengenai segala perlakuan yang ditonjolkan dalam semua acara K-pop. Pandangan Nana memperlihatkan pendiriannya yang cukup jitu atas kapasiti *K-popper* yang mendukung perpaduan komuniti K-pop di negara ini. Malahan, beliau turut mempersoalkan cadangan pengharaman K-pop yang disifatkan tidak adil dan berat sebelah.

Tolong senyap jika kamu tidak suka. Itu bukan urusan kamu pun (Adrea Kim, *YouTube*).

Sudah tentu perbuatan ini berdosa dan menyalahi nilai-nilai Islam. Namun, saya fikir mereka tahu apa yang mereka lakukan. Itu dosa mereka. Tolong jaga urusan diri kita sendiri dan berhenti menyalahkan dan mencaci orang lain. Hidup kita tidaklah se-sempurna mana pun (Minseok Kim, *YouTube*).

Bagaimana kamu tahu mereka tidak sembahyang atau pakai tudung hanya kerana mahu berfesyen? Fikir dahulu sebelum kamu membuat sebarang kenyataan. Saya akui peminat *K-pop* kadangkala tidak berkelakuan baik tapi tolong jangan panggil mereka murtad atau menentang nilai-nilai Islam (Fareen Izzaty, *YouTube*).

Sikap keterbukaan terpilih turut dipamerkan oleh beberapa komen lain daripada *K-popper* yang mewajarkan tindakan tersebut. Antaranya, Adrea Kim yang meminta sesiapa yang tidak bersetuju dengan tindakan tersebut agar tidak memberi sebarang komen kerana tindakan tersebut hanya difahami oleh komuniti *Shawol* – gelaran komuniti peminat untuk artis berkumpul SHINee. Kenyataan Adrea Kim memperlihatkan satu lagi ciri kesatuan yang mengukuhkan *K-popper* sebagai suatu komuniti yang tidak hanya dibentuk melalui talian tetapi meliputi pertemuan fizikal. Selain itu, Minseo Kim, seorang lagi *K-popper* menyatakan bahawa meskipun tindakan tersebut amat jelas bertentangan dengan ajaran Islam, kritikan membina lebih diperlukan berbanding maklumbalas negatif daripada orang ramai. Komen Adrea Kim dan Minseo Kim memperlihatkan bahawa mereka mempunyai pengetahuan yang jelas terhadap hukum Islam tetapi memilih untuk bersikap terbuka dan menyokong tindakan tersebut atas dasar yang serupa. Pandangan yang mewajarkan strategi keterbukaan terpilih turut diperluaskan mengenai isu pemakaian tudung yang turut dipertikaikan oleh khalayak khasnya dalam insiden fizikal tiga orang gadis Melayu oleh artis berkumpul *K-pop* – B1A4 dan insiden menyalakan lilin untuk memperingati kematian Kim Jong-Hyun.

Pemakaian tudung pada hari ini merupakan satu lagi isu mengenai wanita yang sering diperdebatkan khasnya dari segi pemakaian, rekaan dan tujuan. Namun dalam konteks wanita Melayu dan *K-pop*, tudung lebih dianggap sebagai simbol fesyen. Ini kerana kecenderungan mereka yang menjadi sebahagian daripada *K-popper* merelakan berlakunya sentuhan fizikal ketika sesi bertemu peminat berlangsung dan perlakuan ini mendapat kecaman negatif khasnya dari pihak berkuasa Islam yang beranggapan mereka berperlakuan tidak senonoh dan tidak mengikut nilai-nilai moral masyarakat Melayu beragama Islam. Selain itu, tindakan wanita

Melayu bertudung menyertai sesi memperingati kematian Kim Jong-Hyun dianggap telah menyalahgunakan tudung sehingga dianggap murtad. Fareen Izzaty berpandangan bahawa adalah sesuatu yang tidak adil membuat kesimpulan umum bahawa *K-popper* seperti beliau mengenakan tudung hanya untuk berfesyen. Walaupun beliau bersetuju bahawa *K-popper* kadangkala melakukan pelbagai kesalahan, meletakkan hukum murtad kepada mereka adalah suatu tuduhan yang tidak boleh diterima. Sebagai *K-popper*, pandangan yang dikemukakan oleh Fareen Izzaty boleh dianggap sebagai keterbukaan terpilih kerana beliau tidak hanya mempertahankan insiden tersebut, tetapi menganggapnya sebagai suatu isu yang tidak perlu diperbesarkan.

#### KESIMPULAN

Ketidakpatuhan strategik menjadi salah satu wahana dalam pembinaan kerangka kemahiran menonton. Ketidakpatuhan strategik ini digunakan oleh wanita Melayu khasnya generasi muda hari ini dalam menangani satu lagi isu mengenai wanita – budaya popular Korea Selatan yang menjadi sasaran kritikan organisasi keagamaan, badan bukan kerajaan dan khalayak umum. Strategi ini turut memberi suatu dimensi baharu mengenai kemahiran wanita Melayu yang diwujudkan atas kapasiti bersifat peribadi atau pun yang tertakluk kepada komuniti peminat yang seterusnya melangkaui konsep *detrterritorialization of imagination*. Selain tidak bersikap pasif, iaitu dakwaan bahawa mereka akan dijajah dari segi identiti dan budaya, atau menentang; dengan melakukan perkara yang tidak seiring stuktur moral serta idea kemodenan Malaysia, wanita Melayu menggunakan ketidakpatuhan strategik dalam proses interaksi fizikal dalam aktiviti penggunaan teks budaya popular *K-pop*. Ketidakpatuhan strategik dalam konteks kajian ini digunakan oleh wanita Melayu sebagai senjata untuk golongan yang lemah bagi membolehkan mereka terus menikmati K-pop dan menimbangtara aspirasi kemodenan mereka dalam kehidupan seharian.

#### BIODATA

*Md Azalanshah Md Syed* adalah Profesor Madya dan Ketua Jabatan Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Kepakaran beliau mengkhusus dalam bidang Media dan Budaya dan kajian khalayak. Email: [azalan@um.edu.my](mailto:azalan@um.edu.my)



#### REFERENCES

- Ackerman, S. E. (1991). Dakwah and Minah Karan: Class formation and ideological conflict in Malay society. *Bijdragen tot de Taal-, Land-en Volkenkunde*, (2/3de Afl), 193-215.
- Anderson, B. (1983). *Imagined community*. London and New York: Verso.
- Appadurai, A. (1996). *Modernity at large: Cultural dimensions of globalisation*. Minneapolis: University of Minnesota Press.
- Barker, C. (2000). *Cultural studies: Theory and practice*. Thousand Oaks, London: SAGE.
- Chua, B. H. (2008). Structure of identification and distancing in watching East Asian television drama. In B. H. Chua & K. Iwabuchi (Eds.), *East Asian pop culture: Analysing the Korean wave* (pp. 73-90). Aberdeen, Hong Kong: Hong Kong University Press.
- Chua, B. H., & Iwabuchi, K. (Eds.). (2008). *East Asian pop culture: Analysing the Korean wave*. Aberdeen, Hong Kong: Hong Kong University Press.
- Chua, B. H. (2015). Korean pop culture: Emergent genre of East Asian pop culture?. *The Korean Wave in Southeast Asia: Consumption and Cultural Production*, 175-192.
- Dahlia, M. (2014). Gender, Malayness and the ummah: Cultural consumption and Malay-Muslim identity. *Asian Studies Review*, 38(3), 403-421.
- Flicker, S., Haans, D., & Skinner, H. (2004). Ethical dilemmas in research on Internet communities. *Qualitative Health Research*, 14(1), 124-134.
- Gruzd, A., Wellman, B., & Takhteyev, Y. (2011). Imagining Twitter as an imagined community. *American Behavioral Scientist*, 55(10), 1294-1318.
- Hariati, A. (12 April 2015). Let the idols pop on. *The Star*. Dicapai pada 21 April 2018, dari <https://www.thestar.com.my/news/nation/2015/04/12/let-the-idols-pop-on/>
- Hashim, R. (1989). *Accommodating national goals and conflicting societal needs through privatization of television broadcasting: The Malaysian case*. Ohio: Department of Communication, The Ohio State University.
- Hsieh, H. F., & Shannon, S. E. (2005). Three approaches to qualitative content analysis. *Qualitative Health Research*, 15(9), 1277-1288.
- Iwabuchi, K. (2002). *Recentering globalisation: Popular culture and Japanese transnationalism*. Durham: Duke University Press.
- Iwabuchi, K. (Ed.). (2004). *Feeling Asian modernities transnational consumption of Japanese TV dramas*. Aberdeen, Hong Kong: Hong Kong University Press.
- Jenkins, H. (1992). *Textual poachers. Television fans & participatory culture*. New York and London: Routledge.
- Jenkins, H. (2006). *Fans, bloggers and gamers: Exploring participatory culture*. New York and London: New York University Press.
- Karthigesu, R. (1994). *Sejarah perkembangan televisyen di Malaysia (1963- 1983)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Khadijah Ibrahim. (14 Januari 2015). Fenomena K-pop salah siapa. *Utusan Online*. Dicapai pada 1 jun 2019, dari <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/fenomena-k-pop-salah-siapa-1.47782>
- Khoo, G. C. (2006). *Reclaiming adat. Contemporary Malaysian film and literature vancouver and Singapore*. Singapore: UBC Press and Singapore University Press.
- Kim, Y. (Ed.). (2013). *The Korean wave: Korean media go global*. London: Routledge.

- Manderson, L. (1977). The shaping of the kaum ibu (Women's Section) of the United Malays National Organization. *Signs*, 3(1), 210-228.
- Md Azalanshah Md Syed. (2015). *Penontonan drama rantaian dalam kalangan wanita Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Md Azalanshah Md Syed (2011). *Engaging with modernity: Malay women, non-western soap opera and watching competencies*. Melbourne: School of Media and Communication, RMIT University.
- Milestone, K., & Meyer, A. (2012). *Gender and popular culture*. London: Polity.
- Mohd Yuszaidy, M. Y., & Muammar, G. H. (2015). Impak media baharu terhadap sistem nilai masyarakat Melayu di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(2).
- Naslund, J. A. Grande, S. W., Aschbrenner, K. A., & Elwyn, G. (2014). Naturally occurring peer support through social media: The experiences of individuals with severe mental illness using YouTube. *PLoS One*, 9(10).
- Nadia Shaiful Bahari. (2019, Mac 29). *Peminat K-Pop habiskan Master 'on time', siap dapat Anugerah Naib Canselor, 'Janganlah kata kami ni tak matang'*. Dicapai pada 1 Jun 2019, dari <https://www.mstar.com.my/lokal/viral/2019/03/29/peminat-kpop/#ZKCiqrJyxXB00b6Z.99>
- New Strait Times (NST)*. (2017, Ogos 23). Muslims cannot join candlelight vigils for Kim Jong-hyun; it is haram: Perak Mufti. Dicapai pada 4 Mei 2018, dari <https://www.nst.com.my/news/nation/2017/12/317535/muslims-cannot-join-candlelight-vigils-kim-jong-hyun-it-haram-perak-mufti>
- Nor Hashimah, J., & Zaharani A. (2011). Hallyu di Malaysia: Kajian sosiobudaya. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 27(2).
- NST Online*. (22 Disember 2017). Malaysian K-pop fans hold candlelight vigil for Jonghyun at Dataran Merdeka. Dicapai pada 4 Mei 2018, dari <https://www.youtube.com/watch?v=hHkD5Fd6hVE>
- Nuurrianti, J. (2016). The effectiveness of social media in assisting opinion leaders to disseminate political ideologies in developing countries: The case of Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(1).
- Ong, A. (1987). *Spirit of resistance and capitalist discipline: Factory women in Malaysia*. Albany: State University of New York Press.
- Ono, K. A., & Kwon, J. (2013). *Re-worlding culture - The Korean wave: Korean media go global* (pp. 199-214). London: Routledge.
- Patriarche, G., Bilandzic, H., Jensen, J. L., & Jurišić, J. (2014). *Audience research methodologies: Between innovation and consolidation*. Routledge: London.
- Scott, J. (1985). *Weapons of the weak: Everyday forms of peasant resistance*. Yale University Press: Yale.
- Shamsul, A. B. (1997). The economic dimension of Malay nationalism - The socio-historical roots of the new economic policy and its contemporary implications (electronic version). *The Developing Economies*, 35(3), 240- 261.
- Shin, H. (2009). Have you ever seen the Rain? And who'll stop the Rain?: The globalizing project of Korean pop (K-pop). *Inter-Asia Cultural Studies*, 10(4), 507-523.

- Shohat, E., & Stam, R. (1996). From the imperial family to the transnational imaginary: Media spectatorship in the age of globalization. In R. Wilson & W. Dissanayake (Eds.), *Global local: Cultural production and the transnational imaginary* (pp. 145-171). London: Duke University Press.
- Sofian, B. (19 April 2017). *Belia habiskan empat jam sehari layari media sosial*. Dicapai pada 1 Jun 2019, dari <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/belia-habiskan-empat-jam-sehari-layari-media-sosial-1.471183>
- Soo, W. J. (28 Disember 2017). *Why Malaysians prefer K-pop, not local, talents*. Dicapai dari <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2017/12/28/why-malaysians-prefer-K-pop-not-local-talents/>
- Stivens, M. (1994). Gender and modernity in Malaysia. In Alberto Gomes (Ed.), *Modernity and identity: Asian illustrations* (pp.66-95). Bundoora, Victoria: La Trobe University Press.
- Stivens, M. (1996). *Matriliny and modernity: Sexual politics and social change in rural Malaysia*. St. Leonards, NSW: Allen and Unwin.
- Stivens, M. (1998). Modernising the Malay mothers. In Ram K. & Jolly M. (Eds.), *Maternities and modernities: Colonial and Postcolonial Experience in Asia and the Pacific* (pp. 50-80). Cambridge: Cambridge University Press.
- The Rakyat Post*. (2015, Januari 11). Tudung-clad Malay girls, hugged and kissed onstage by K-pop artistes. Dicapai pada 4 Mei 2018, dari <http://www.therakyatpost.com/news/2015/01/11/tudung-clad-malays-girls-hugged-kissed-onstage-K-pop-artists/>
- The Rakyat Post*. (2015, Januari 11) 'Malay warriors' stage K-pop protest. Dicapai pada 4 Mei 2018, dari <http://www.therakyatpost.com/news/2015/01/15/malay-warriors-stage-K-pop-protest/>
- Tong, J. K. C., & Turner, B. S. (2008). Women, piety and practice: A study of women and religious practice in Malaysia. *Contemporary Islam*, 2(1), 41-59.
- Utusan Malaysia*. (2018, Mac 227). Kempen 'masa tanpa gajet' diteruskan. Dicapai pada 21 April 2018 dari <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/kempen-8216-masa-tanpa-gajet-8217-diteruskan-1.636184>
- Utusan Malaysia*. (2017, Ogos 9). [VIDEO] 5000 peminat serbu artis K-pop. Dicapai pada 21 April 2018, dari <http://www.utusan.com.my/berita/terkini/video-5000-peminat-serbu-artis-K-pop-1.513053>
- Utusan Malaysia*. (2016, Ogos 13) Filem Train To Busan berjaya mencatat rekod kutipan 10 juta penonton. Dicapai pada 21 April 2018, dari <http://www.utusan.com.my/hiburan/filem-train-to-busan-berjaya-mencatat-rekod-kutipan-10-juta-penonton-1.369942#ixzz5FUd3CM4H>
- Utusan Malaysia*. (2015, Januari 13). Kpop: Jakim arah Jawi ambil tindakan. Dicapai pada 4 Mei 2018, dari <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/K-pop-jakim-arah-jawi-ambil-tindakan-1.47467>
- Utusan Malaysia*. (2011, Mac 19). Demam K-pop. Dicapai pada 21 April 2018, dari [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0319&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi\\_01.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0319&pub=Utusan_Malaysia&sec=Hiburan&pg=hi_01.htm)

- Utusan Malaysia*. (2010, Mac 23). Kempen kami prihatin disifatkan murni. Dicapai pada 21 April 2018, dari [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0323&pub=utusan\\_malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_03.htm&arc=hive](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0323&pub=utusan_malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_03.htm&arc=hive)
- Utusan Malaysia*. (2007, Januari 29). Konsert Rain menghibur dan mempesonakan. Dicapai pada 21 April 2018, dari [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0129&pub=utusan\\_malaysia&sec=hiburan&pg=hi\\_02.htm&arc=hive](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0129&pub=utusan_malaysia&sec=hiburan&pg=hi_02.htm&arc=hive)
- Utusan Malaysia*. (2002, Oktober 3). Forum: Penerbit filem kita diminta contohi Winter Sonata. Retrieved 19 June 2007, from [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt=1003&pub=utusan\\_malaysia&sec=Forum&pg=fo\\_06.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt=1003&pub=utusan_malaysia&sec=Forum&pg=fo_06.htm&arc=hive)
- Wilson, T. (2004). *The playful audience: From talk show viewers to internet users*. New Jersey: Hampton Press.
- Zeller, F., Ponte, C., & O'Neill, B. (2014). *Revitalising audience research: Innovations in European Audience Research* (Vol. 5). London: Routledge.
- Zimmer, M. (2010). 'But the data is already public': On the ethics of research in Facebook. *Ethics and Information Technology*, 12(4), 313-325.